



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
AHAD 22 NOVEMBER 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3.	PENTERNAKAN KUPANG SELAT TEBRAU, PANORAMA, KOSMO AHAD -17 TERNAKAN KUPANG TERBESAR DI MALAYSIA, PANORAMA, KOSMO AHAD -18 PERMINTAAN KUPANG TETAP TINGGI, PANORAMA, KOSMO AHAD -19	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	JAGUNG UNGU CEGAH KANSER?, DALAM NEGERI, MINGGUAN MALAYSIA -12	INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
5.	BELANJAWAN 2021 SUNTIK SEMANGAT, NASIONAL, SINAR AHAD -7	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
6. 7.	KEBUN KOMUNITI PERLU BERDAFTAR UNTUK DAPAT PERUNTUKAN, NEGARA, KOSMO -16 SEPAKAT TANAM JAGUNG MANIS, XPRESI, METRO AHAD -36	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/11/2020	KOSMO AHAD	PANORAMA	17

Impresi Kehidupan

Kosmo! Ahad 22.11.2020

# Panorama



Penternakan  
kupang Selat Tebrau



KUPANG yang baru dinaikkan perlu dibersihkan terlebih dahulu sebelum dipasarkan.



Oleh  
RAJA JAAFAR  
ALI

# Ternakan kupang terbesar di Malaysia

**K**AMPUNG Kuala Masai, Masai terletak dalam daerah Pasir Gudang, Johor iaitu kira-kira 20 kilometer dari pusat bandar raya Johor Bahru. Mempunyai kepadatan kira-kira 2,000 penduduk, komunitinya terdiri daripada nelayan persisiran pantai. Kebanyakan penduduknya adalah Orang Asli daripada suku Seletar dengan aktiviti ekonomi utama mereka berasaskan tangkapan hasil laut. Selain menangkap ikan, penduduk kampung juga menternak makanan laut seperti udang, siput sedut dan siput sudu atau lebih dikenali sebagai kupang.

Kupang merupakan sejenis hidupan daripada keluarga kerang-kerangan. Haiwan ini mempunyai dwicengkerang dan menjadi salah satu makanan laut yang popular di Asia Tenggara.

Terdapat tiga jenis kupang iaitu kupang laut (*pteriomorpha*), kupang air tawar (*palaeoheterodonta*) dan kupang zebra (*heterodonta*).

Hidupan marin ini boleh dijumpai di kawasan air tawar seperti tasik, sungai dan juga di kawasan pasang surut di pinggir laut di seluruh dunia.

Tahukah anda ternakan kupang terbesar di Malaysia terletak di selatan Semenanjung Malaysia iaitu di perairan Selat Tebrau di Kampung Kuala Masai?

Berkeluasan hampir tiga kilometer persegi, kawasan itu dipenuhi dengan kira-kira 500,000 tong yang diapungkan di atas permukaan air laut bagi membina 'rumah' kupang atau sistem rawai tradisional.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Johor Selatan, Azli Mohd. Aziz berkata, industri kupang di Johor begitu memberangsangkan dan mendapat permintaan yang tinggi dari dalam dan luar negara.

Menurutnya, terdapat 53 individu yang menjalankan ternakan kupang di perairan Selat Tebrau itu.

"Kebanyakan penternak kupang di sini terdiri daripada penduduk



**PEMANDANGAN di kawasan penternakan kupang di Kampung Kuala Masai di perairan Selat Tebrau ini dipenuhi tong-tong yang terapung di permukaan air.**

kampung di Pasir Gudang dan terdapat juga penternak kupang dalam kalangan Orang Asli Seletar," katanya kepada Panorama.

## Tong terapung

Menurut Azli, usaha menternak kupang di situ turut menerima bantuan daripada agensi kerajaan dan swasta antaranya Jabatan Perikanan, Institut Penyelidikan dan Kemajuan

Pertanian Malaysia (MARDI), Persatuan Nelayan Johor, Koperasi Melayu Pasir Gudang, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan Petronas.

Agensi-agensi berkenaan memainkan peranan antaranya dengan memberi bantuan dari segi kebajikan kepada ahli keluarga nelayan termasuk tabung kebajikan bagi pelajaran anak-anak nelayan. Kru Panorama berkesempatan

## EKSTRA

### KUPANG

- Nama saintifik bagi kupang atau siput sudu ialah *Mollusk* daripada keluarga siput
- Hidangan popular kupang ialah kupang masak masam manis
- Mempunyai kulit keras berwarna hijau kecoklatan yang mengandungi isi berwarna kuning, oren dan hitam
- Kulit kupang akan terbuka di dalam air dan memerangkap plankton dalam air sebagai makanan
- Benih anak kupang yang melekat pada tali akan berkumpul dan membentuk satu bongkah kupang
- Mengambil masa hingga enam bulan untuk menuai hasilnya

melihat lebih dekat aktiviti ternakan kupang di Kampung Kuala Masal yang terletak berdepan dengan Singapura.

Dengan menaik bot bersama Azli, kelihatan pemandangan cantik dengan ribuan tong-tong berwarna biru terapung di permukaan laut yang dijadikan tempat penginapan bagi kupang-kupang membiak.

"Setiap tong akan diikat dengan seutas tali sepanjang kira-kira tiga meter ke dalam laut dan dibiarkan sehingga enam bulan untuk mendapatkan hasilnya.

"Kupang mengambil masa enam bulan untuk matang sebelum dituai. Ternakan ini tidak memerlukan penjagaan rapi seperti ternakan lain yang perlu diberi makan mengikut waktunya," katanya lagi.

Menurut Azli, kupang yang ditenak di perairan itu memang terbaik dari segi kekenakannya kerana kualiti air di kawasan itu.

Arus air di kawasan itu yang mengalir perlahan menjadikannya amat bersesuaian untuk semua projek akuakultur ternakan ikan dan kupang.

### Pendapatan

Jelasnya, dalam sebulan, hasil tuai boleh mencapai 15 tan secara keseluruhan melibatkan kesemua penternak.

"Pada kebiasaannya setiap tali yang diikat pada setiap tong dapat menghasilkan kira-kira 40 kilogram kupang.

"Sebaik diangkat ke dalam bot, kupang-kupang tersebut akan ditanggalkan dari tali dan dibersihkan dengan membuang kupang hitam



**KELAH (drf) dan Azli** menunjukkan kupang-kupang yang melekat pada tali.



**Ternak kupang hanya memerlukan enam bulan untuk hasilnya dituai. Ternakan juga dilakukan secara modal dengan meletakkan tong yang telah diikat ke dalam air."**

yang menjadi perosak.

"Tali itu kemudian dimasukkan kembali ke dalam laut untuk pembiakan kupang seterusnya," katanya.

Kini penternakan kupang turut menuju ke era baharu dengan penerapan teknologi Norway Smart Farm dan sistem P-Line.

Ini merupakan satu usaha untuk transformasi daripada sistem ternakan kupang sedia ada kepada kaedah moden yang mesra alam, tersusun kemas, tahan lama dan memberikan hasil yang tinggi sehingga berjaya meningkatkan pendapatan mencecah ribuan ringgit sebulan.

Azli yang juga seorang nelayan berharap kawasan ternakan kupang itu akan dijadikan hab kerang-kerangan. Dia juga berharap agar tidak ada pembangunan di sekitarnya yang boleh mengganggu ekosistem hidupan marin di situ.

Bagi seorang pengusaha Orang Asli yang berjaya dalam ternakan kupang, Kelah Lah, 39, kerja memternak kupang kini menjadi pekerjaan utamanya.

Kelah mengusahakan 40 ribu tong daripada 500,000 tong melibatkan 53 penternak keseluruhannya.

Menurutnya ternakan kupang mampu mendatangkan pendapatan yang lumayan dengan sekali tuai.

"Ternak kupang hanya memerlukan enam bulan untuk hasilnya dituai. Ternakan juga dilakukan secara modal dengan meletakkan tong yang telah diikat ke dalam air," katanya.

Ceritanya, setiap hari dia bersama rakannya akan menaikkan kupang seberat kira-kira 40 kilogram ke dalam bot sebelum dibersihkan dan dijual kepada pembeli.

Hasil daripada jualan kupang itu, dia boleh mendapat pendapatan lebih RM1,500 sebulan.

Ternyata ternakan kupang yang di perairan Selat Tebrau di Kampung Kuala Masal ini boleh disifatkan sebagai nadi kehidupan sebahagian masyarakat Orang Asli di situ.



**KUPANG** makanan laut yang enak dan sesuai dimasak untuk pelbagai sajian.

## Permintaan kupang tetap tinggi

**PENTERNAK** kupang dari Kampung Kuala Masal, Kilo Baru, 40, boleh menarik nafas lega apabila permintaan kupang masih tinggi biarpun negara berdepan pandemik Covid-19.

Kilo yang mempunyai 30,000 tong memternak kupang berkata, berikutan permintaan tinggi itu adakalanya para penternak tidak dapat menampung keperluan pembeli.

Menurutnya memang banyak pengusaha kupang di Kampung Kuala Masal tetapi ada kalanya tidak cukup untuk menampung keperluan atau permintaan.

"Kupang saya dijual ke pasar-pasar di Kuala Lumpur, Melaka selain pasar borong dan pasar-pasar raya di sekitar Johor Bahru," katanya kepada *Panorama*.

Kilo yang merupakan penduduk berketurunan Orang Asli Seletar berkata, setiap hari dia akan mengerah kudrat mengangkut naik tali kupang selama dua jam dari pukul 10 pagi di kawasan penternakan kupang.

Setelah dimasukkan ke dalam bot, kupang tersebut akan dibawa ke darat untuk dibersihkan dengan mengambil masa kira-kira empat jam.

Menurutnya, kerja membersihkan kupang mengambil masa yang lama kerana perlu membuang kupang hitam yang menjadi perosak selain perlu memilih kupang yang berkualiti dan bersaiz besar.

Kongsinya, kebanyakan yang membuat pesanan merupakan pemilik restoran dan peniaga pasar.

Nasihatnya, para pembeli yang hendak membeli kupang dengan kuantiti yang banyak hendak membuat pesanan sehari lebih awal. Lazimnya pemilik restoran membeli dengan kuantiti yang banyak kerana sentiasa mendapat permintaan daripada para pelanggan restoran.

Jelasnya kupang enak dimasak untuk masakan tomyam, rendang, masam manis dan kupang bakar.



**KILO**



**TERNAKAN** kupang mampu menawarkan pendapatan yang baik kepada para pengusahanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/11/2020	MINGGUAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12

## Jagung ungu cegah kanser?

**JASIN:** Dakwaan menyatakan jagung ungu sebagai makanan antikanser hanya akan diketahui selepas Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menjalankan kajian bagi menentukan kesahihan itu.

Buat masa ini, belum ada sebarang penemuan yang membuktikan kesahihan itu walaupun didakwa pelbagai pihak termasuk pengusaha tanaman bijirin itu.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, pihaknya akan meminta agensi berkaitan termasuk Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) untuk melakukan siasatan terperinci.

Jelas beliau, sekiranya kajian menyeluruh telah dilakukan dan mengesahkan khasiat sebenar jagung ungu, ia akan membawa berita baik kepada industri makanan negara sebagai satu lagi makanan kesihatan yang boleh dikomersialkan.

"Kita akan cuba usahakan untuk melakukan kajian yang menyeluruh saya telah maklumkan kepada jabatan dan MARDI sendiri untuk membuat pengesahan mengenai khasiat jagung ungu sebagai makanan anti kanser.

"Walaupun kita belum mengeksport jagung ungu ini ke luar negara, namun permintaan yang diterima dalam negara sendiri sudah cukup tinggi dan itu menunjukkan potensi besar terhadap tanaman jagung jenis ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan lawatan ke ladang jagung seluas 18 hektar milik pengusaha jagung dari Koperasi Komong di Kampung Chinchin, di sini semalam.

Ladang jagung itu merupakan ladang pertama di negeri ini yang mengusahakan jagung ungu di lot tanah seluas tiga hektar.

# Belanjawan 2021 suntik semangat

Ahli Peladang turut berharap kerajaan lanjut moratorium enam bulan

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

## TANJONG KARANG

Peruntukan sebanyak RM4.79 bilion yang disalurkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi Belanjawan 2021 bakal memberi manfaat kepada peladang terutama dalam keadaan negara berdepan situasi sukar akibat penularan coronavirus (Covid-19).

Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Selangor, Datuk Dr Abd Rahman Bakri berkata, peruntukan itu menyuntik semangat kepada seramai 54,525 ahli Peladang di negeri itu untuk meneruskan aktiviti yang sebelum ini terganggu akibat pandemik Covid-19.

Menurutnya, sebanyak RM1.7 bilion yang diperuntukkan bagi pemberian subsidi, insentif dan bantuan kepada petani serta nelayan mampu meningkatkan produktiviti, selain meringankan beban mereka khususnya dalam keadaan ekonomi mencabar.

"Tanpa subsidi, bantuan dan insentif tentulah akan meningkatkan modal, seterusnya menyukarkan mereka meneruskan kelangsungan hidup dan perusahaannya masing-masing," katanya kepada pemberita dalam sidang akhbar di sini pada Selasa lalu.

Abd Rahman turut menyambut baik dana sebanyak RM570 juta yang akan disalurkan menerusi Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) bagi membantu meningkatkan pendapatan pesawah dan pengeluaran hasil padi dalam negara.

Menurutnya, terdapat juga peruntukan sebanyak RM960 juta bagi

Skim Subsidi Baja dan Insentif Pengeluaran Padi yang bertujuan mengurangkan kos pengeluaran padi, selain meningkatkan daya saing pengeluaran padi melalui pemberian input pertanian seperti baja serta racun.

"Selain itu, bantuan lain seperti Subsidi Baja Padi Bukit sebanyak RM40 juta diperkenalkan semula dan Elaun Sara Hidup (ESH) dinaikkan daripada RM250 kepada RM300 sebulan melibatkan peruntukan berjumlah RM151 juta," katanya.

Mengulas mengenai pelaksanaan Belanjawan 2021, Abd Rahman berharap ia dapat membantu keseluruhan sektor ekonomi termasuk pengusahaan agro makanan kembali pulih, sekali gus menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia.

"Kita juga berharap penghasilan beras tempatan meningkat kepada 75 peratus daripada penggunaan keseluruhan dalam beberapa tahun akan datang, sekali gus mengurangkan kebergantungan negara terhadap produk luar," katanya.

Abd Rahman turut menyarankan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) memainkan peranan menggalakkan ahli Peladang mengambil peluang yang disediakan bagi memastikan jaminan bekalan makanan tidak putus.

Selain itu, beliau juga berharap kerajaan melanjutkan moratorium selama enam bulan secara pukal kepada semua peminjam di bank termasuk golongan petani yang terjejas pendapatan akibat Covid-19.

"Kita juga mohon kerajaan mengkaji pengeluaran akaun satu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk dijadikan modal bagi mereka menceburi bidang pertanian dan agro makanan terutama yang kehilangan pekerjaan tetapi berminat dalam sektor pertanian," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Azulita Salim berkata, pihaknya menghargai usaha kerajaan dalam pembentangan Belanjawan 2021.

Menurutnya, beberapa penekanan inisiatif yang diumumkan kerajaan dirangka dengan baik seperti sektor pertanian dan makanan yang memberi manfaat kepada petani, peladang serta nelayan.

"Keutamaan pihak kami buat



Azulita cuba mengemudi jentera menuai padi ketika kunjungannya ke Tanjong Karang, Kuala Selangor pada Selasa lalu.



Azulita (kiri) dan Abd Rahman melihat padi di pusat pengumpulan padi.

masa ini adalah untuk pembangunan kelestarian ahli Peladang, antaranya memastikan rantaian nilai keseluruhan bekalan makanan negara tidak terputus.

## Jaminan

"Rantaian nilai yang cekap dan berkesan mampu memberi jaminan bekalan makanan kepada semua masyarakat dan pada masa yang sama pendapatan peladang serta usahawan tani tidak bertenti," katanya.

Selain itu, katanya, LPP melihat inisiatif utama iaitu projek pertanian organik berjumlah RM50 juta dan program ladang e-satelit bernilai RM10 juta memberi berita gembira kepada pertubuhan peladang dan seluruh masyarakat peladang yang berjumlah hampir 930,000 ahli.

"Projek pertanian organik sebagai contoh, akan menggalakkan pengeluaran hasil sektor pertanian dengan mengeluarkan produk organik berkualiti dan selamat untuk dimakan bagi menampung keperluan bekalan makanan harian serta mengurangkan kos sara hidup," katanya.

Azulita berkata, projek pertanian organik memberi impak, antaranya

menyediakan hasil pertanian bermutu tinggi kepada pengguna dan memberi pulangan lumayan melalui aktiviti pertanian bernilai tinggi dalam skala besar.

"Projek pertanian organik juga mampu menghasilkan produk pertanian yang dijamin berkualiti dan selamat dimakan," katanya.

Menurutnya, bagi projek ladang e-satelit, sebanyak RM500,000 diberikan geran kepada 100 usahawan yang terlibat dalam projek berkenaan melibatkan peruntukan berjumlah RM5 juta.

"PPK Kuala Langat melaksanakan kaedah penanaman secara ladang satelit dengan menyatukan beberapa usahawan golongan B40 bagi melaksanakan tanaman secara berkelompok dan menjalankan usaha pertanian ke pasar raya besar.

"Program ini dilihat selaras dengan hasrat kerajaan untuk membangunkan sektor pertanian ke arah Revolusi Industri 4.0 dengan menggunakan teknologi terkini dalam membantu peningkatan pengeluaran agro-makanan, menjimatkan kos, mengurangkan tenaga kerja dan meningkatkan daya saing serta kualiti produk dihasilkan," kata Azulita.



ABD RAHMAN



AZULITA

# Kebun Komuniti perlu berdaftar untuk dapat peruntukan

**RANGI** - Semua persatuan penduduk yang mengusahakan Kebun Komuniti disaran berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) seperti Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) bagi memudahkan penyaluran bantuan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Ramal, Mazwan Johar berkata, pihaknya akan memproses penyaluran bantuan berdasarkan pengesahan yang dibuat kepada PBT terbabit.

Menurutnya, penyaluran sebarang bentuk bantuan termasuk biji benih tanaman yang diusahakan lebih mudah dibuat kepada persatuan berdaftar yang telah diiktiraf.

"Apabila sudah berdaftar, ertinya persatuan sudah dapat pengiktirafan. Ini akan memudahkan kita untuk menyalurkan bantuan.

"Selain itu, ia memudahkan ADUN untuk menyalurkan peruntukan berupa peralatan dan benih tumbuhan serta sayuran kepada Kebun Komuniti ini," katanya selepas merasmikan Ke-



**MAZWAN** (dua dari kiri) dan Mohd. Zafwan (dua dari kanan) melihat tanaman di Kebun Komuniti Seksyen 8 Prima, Bandar Baru Bangi semalam.

bun Komuniti Seksyen 8 Prima, Bandar Baru Bangi semalam.

Hadir sama Pengerusi Persatuan Komuniti Seksyen 8 Prima, Mohd. Safuan Radzali dan Pengerah Program Kebun Komuniti, Mohd. Saïd Jaapar.

Antara tanaman di Kebun Komuniti termasuklah sayuran



**ANTARA** penduduk yang terlibat mengusahakan Kebun Komuniti Seksyen 8 Prima.

katan dari segi jumlah pada masa akan datang.

"Kita gembira jika Kebun Komuniti ini diusahakan oleh penduduk tempatan dari kawasan perumahan kos rendah yang tergolong dalam kalangan kategori B40.

Sementara itu, Mohd. Safuan

berkata, pihak Mardicorporation telah menyumbang sebanyak 1,000 sultur emas nenas MD2 kepada pihak persatuan.

Beliau yang juga Pengerah Projek Mardicorporation berkata, 1,000 susur nenas MD2 yang disumbangkan itu adalah menggunakan teknologi CCPS.

# SEPAKAT TANAM JAGUNG MANIS

Lima penduduk majukan tanah seluas 4.8 hektar secara berkelompok hasil 30,000 pokok semusim

## AGRO

Oleh Ramli Ibrahim  
rencana@hmetro.com.my

Dari terbiar sejak beberapa tahun ini, ia dimanfaatkan lima penduduk dengan mengusahakan tanah seluas 4.8 hektar itu secara berkelompok dengan tanaman jagung manis hingga memberi pulangan hasil lumayan.

Mereka adalah penduduk di Kampung Kuala Balah di Jeli, Kelantan yang mengusahakan tanaman itu setahun lalu hingga berjaya menanam hampir 30,000 pokok jagung semusim.

Pada tahun ini, mereka sudah menanam jagung itu dalam tiga musim membabitkan lebih dua bulan semusim dan permintaan pasarannya juga menggalakkan.

Selain dijual yang mentah sebanyak 14 tongkol RM10, mereka juga sepakat membuka gerai di tepi Jalan Jelawang-Jeli untuk pasaran jagung rebus.

Ketua kumpulan tanaman jagung berkelompok itu, Mat Izman Mat Hussin, 54, berkata, tanaman jagung manis yang dusahakannya antara paling luas.

Katanya, memang ada juga penduduk lain berbuat demikian, tetapi tidak seluas kumpulannya dan mempunyai kemahiran mengeluarkan jagung bermutu.

Dia mengakui tanah di kawasan itu lebih lama terbiar dan melihat kepada keadaan kerugian

ada kesepakatan untuk memajukannya secara beramal-ramai.

Tanaman yang dusahakan di kawasan itu juga melihat kepada musim dan mungkin selepas ini dusahakan pula dengan tembikai kerana musim tengkujuh.

"Apabila kita tanam tembikai mungkin hasil dapat dikeluarkan pada Ramadan tahun depan dan sudah tentu mendapat pasaran baik hingga mampu meningkatkan keuntungan.

"Begitu juga musim seterusnya mungkin pelbagai sayur-sayuran seperti lada solok, timun batang dan terung sebelum datang semula pusingan jagung," katanya.

Rakan kongsi, Mohd Ridwan Shafie, 29, pula berkata, Kampung Kuala Balah terkenal sebagai pengeluaran jagung manis seranding dengan Cameron Highlands, Pahang.

Malah, katanya, ada juga pemborong daripada beberapa daerah di Kelantan datang membelinya untuk dijual secara rebus di tempat mereka.

Tanaman jagung itu sentiasa mendapat khidmat nasihat daripada jabatan berkaitan khususnya Jabatan Pertanian Kelantan dan baja serta racun dikongsi bersama.

Katanya, sehari paling kurang dapat kutip 1,500 tongkol jagung dan kadangkala hampir 3,000 tongkol apabila ada permintaan lebih daripada itu.

"Kami juga menggunakan pelbagai jentera bermula daripada membersihkan kawasan, membajak dan menanam bagi menjimatkan masa," katanya.

Bagi, Siti Zuliha Shaie,



PESERTA menurunkan jagung manis yang dusahakan berkualiti sama dijual di Cameron Highlands.



SITI Zuliha (kiri) melayan pelanggan di gerainya di tepi Jalan Jelawang-Jeli.

27, yang ditugaskan menjual secara tongkol jagung pula mengakui ramai yang datang membeli menyatakan jagung manis ini tersohor.

Katanya, ini kerana mereka tidak bersusah payah lagi ke

Cameron Highlands bagi mendapatkan jagung manis dan harganya pula lebih murah.

"Bayangkan jagung kami ini dijual 14 tongkol RM10, tetapi saya dimaklumkan ada dijual di Cameron

FOTO RAMLI IBRAHIM

Highlands lebih mahal sekitar lima hingga tujuh tongkol RM10," katanya.

Kakaknya, Noor Syatila Shafie, 31, berkata, dia ditugaskan merebus jagung untuk dijual dan permulaan juga tinggi setiap hari.

Katanya, jagung itu dijual dengan harga RM1 setongkol hingga mendapat pasaran lebih 200 tongkol sehari dan tidak putus-putus dikunjungi orang ramai.

"Syukur kami tiga beradik berada dalam kumpulan tanaman jagung berkelompok itu. Hanya abang ditugaskan berada di kebun dan saya dua beradik bahagian menjual," katanya.



POKOK jagung yang habis buahnya dipatahkan untuk mudah dimesak.